



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

SIARAN MEDIA

ANUGERAH STANDARD DAN AKREDITASI KEBANGSAAN: JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM) RAIKAN 10 INDIVIDU ATAS SUMBANGAN PERKASA INFRASTRUKTUR KUALITI NEGARA

KUALA LUMPUR, 14 November 2025 – JSM, sebuah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), hari ini mengiktiraf 10 orang peneraju industri dalam Majlis Anugerah Standard dan Akreditasi Kebangsaan. Majlis penyampaian anugerah berprestij ini meraikan komitmen luar biasa organisasi, industri, dan individu terhadap amalan kualiti, keselamatan, dan kecemerlangan dalam ekosistem standardisasi dan akreditasi negara.

Selaras dengan usaha memperkukuh daya saing negara di peringkat serantau, majlis penganugerahan ini telah diadakan bersempena dengan sambutan *MITI ASEAN Day*. Langkah strategik ini menekankan peranan penting infrastruktur kualiti khususnya dalam bidang standard dan akreditasi bagi menyokong agenda integrasi ekonomi ASEAN.

Majlis anugerah yang disempurnakan oleh YB Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri ini memberi fokus kepada dua kategori utama iaitu:

1. **Anugerah Standard:** Anugerah ini menghargai sumbangan, komitmen, dan kepakaran pakar-pakar yang terlibat dalam aktiviti pembangunan standard di peringkat kebangsaan (*Malaysian Standard - MS*) dan antarabangsa.
2. **Anugerah Akreditasi:** Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada penilai-penilai terlatih JSM yang telah menyumbangkan tenaga dan masa bagi membangunkan serta menjayakan skim akreditasi JSM, merangkumi proses penilaian permohonan, semakan dokumen, sehingga penilaian semula.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, YBrs. Encik See Chee Kong berkata, "Pakar dan penilai yang kita raikan hari ini adalah wira yang tidak didendang dalam ekosistem kualiti negara. Kepakaran teknikal, komitmen, dan masa yang mereka curahkan secara sukarela dalam pembangunan standard dan proses akreditasi adalah amat penting."

"Mereka yang memastikan *Malaysian Standard* (MS) kita kekal relevan, berdaya saing di peringkat global, dan badan-badan penilaian pematuhan kita diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pengiktirafan ini adalah tanda terima kasih JSM atas dedikasi mereka yang tidak berbelah bahagi," tambah beliau.

Penganugerahan ini juga selari dengan misi Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) untuk melonjakkan daya saing industri negara. Infrastruktur kualiti yang kukuh, yang disokong oleh kepakaran individu yang diraikan hari ini, adalah kritikal bagi memastikan produk dan perkhidmatan Malaysia mudah menembusi pasaran global dan mengukuhkan kedudukan negara sebagai hab perdagangan pilihan di rantau ASEAN.

JSM berharap pengiktirafan ini akan terus menyuntik semangat kepada lebih ramai pakar industri untuk tampil menyumbang dalam aktiviti standardisasi dan akreditasi, demi menjamin kualiti, keselamatan, dan daya saing produk serta perkhidmatan Malaysia.

----TAMAT----

**JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)
14 NOVEMBER 2025**

Tentang JSM:

Jabatan Standard Malaysia (JSM) ialah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). JSM berperanan sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang membangunkan serta mempromosikan Standard Malaysia (MS), dan menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal, badan pensijilan dan pemeriksaan.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik JSM
Telefon : 03-8008 2891
Faks : 03-8008 2901
E-mel : uks@jsm.gov.my

**MAKLUMAT PENERIMA
SIJIL ANUGERAH STANDARD KEBANGSAAN DAN
ANUGERAH AKREDITASI KEBANGSAAN TAHUN 2024**

1. PENERIMA SIJIL ANUGERAH STANDARD KEBANGSAAN

BIL.	NAMA	ORGANISASI	BIDANG KEPAKARAN
1.	Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff	Pejabat Penyelaras Hal Ehwal Halal Jabatan Perdana Menteri	NSC 09 - Halal
2.	Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia	NSC 01,09,21- Agriculture, Halal & Food
3.	Ir. Surian bin Rasol	Grandtop High Voltage Technology Sdn. Bhd.	NSC 05 - Energy
4.	Encik Tan Weng Keong	Piping Technology Sdn. Bhd.	NSC 10 - Plastics
5.	Puan Pang Suet Kum	Malaysian Wood Industries Association	NSC 22 - Timber

2. PENERIMA SIJIL ANUGERAH AKREDITASI KEBANGSAAN

BIL.	NAMA	ORGANISASI	BIDANG KEPAKARAN
1.	Encik Parama Iswara Subramaniam	Pesara (SIRIM Berhad)	Pengurusan <i>Certification Bodies (ACB)</i>
2.	Encik Mustafah bin Md. Nor	Pesara (Kementerian Kesihatan Malaysia)	Pengujian perubatan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)
3.	Tuan Haji Harun Iderus	Pesara (PUSPAKOM Sdn. Bhd.)	Pemeriksaan <i>Malaysia Inspection Bodies Accreditation Scheme (MIBAS)</i>
4.	Dr. Son Radu	Pesara (Universiti Putra Malaysia)	Pengujian Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)
5.	Dr. Ong Bee Lee	Pesara (Universiti Malaysia Kelantan)	Pengujian Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)

****Nota:**

1. NSC 01 : *National Standard Committee on Agriculture*
2. NSC 05 : *National Standard Committee on Generation, Transmission and Distribution of Energy*
3. NSC 09 : *National Standard Committee on Halal*
4. NSC 10 : *National Standard Committee on Plastics and Plastic Products*
5. NSC 21 : *National Standard Committee on Food, Food Products and Food Safety*
6. NSC 22 : *National Standard Committee on Timber, Timber Products and Timber Structures*